IMPIAN SELAMA COMMUNICATION AND SERVICES SDN BHD
lwn.
NISSEN TECHNOLOGY SDN BHD

Mahkamah Sesyen, Shah Alam
Yong Leou Shin HMS
[Saman No: BA-B52NCvC-55-02/2020]
22 Ogos 2023

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Rahim Ponniah Abdullah v. Kulim Intensive Driving Centre Sdn Bhd [2000] 5 MLRH 536; [2000] 6 MLJ 584; [2000] 4 AMR 4684 (dirujuk)
Ong Guan Teck & Ors v. Hijjas Kasturi [1981] 1 MLRH 237; [1982] 1 MLJ 105; [1982] CLJ (Rep) 616 (dirujuk)
Ratnam v. Cumarasamy [1964] 1 MLRA 599; [1965] 1 MLJ 228 (dirujuk)
Reaplite Industry Sdn Bhd v. NZ Bina Sdn Bhd [2019] MLRHU 1534 (dirujuk)
Scomi Oiltools Sdn Bhd v. Petrozchem Oilfield Services Sdn Bhd [2020] MLRAU 268 (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:
Courts Of Judicature Act 1964, s 25(2)
Rules Of Court 2012, O 3 r 5(1), O 55 r 2

Kaunsel:
Bagi pihak plaintif: Kohila Yanasekaran; Tetuan Kohi & Associates
Bagi pihak defendan: Wong Yun Loong; Tetuan Isa, Aziz Ibrahim

[Permohonon Defendan (lampiran 48) ditolak dengan kos.]

PENGHAKIMAN

Yong Leou Shin HMS:

A. Pengenalan

[1] Kes ini telah dibicarakan dan seteiah perbicaraan penuh, pihak-pihak telahpun diarahkan untuk memfailkan hujahan masing-masing dan hujahan balasan mengikut satu ketetapan masa dan Mahkamah telahpun memaklumkan bahawa keputusan kes akan diberi pada 19 April 2023 melalui e review.

[2] Pada 19 April 2023, dengan kehadiran dua-dua pihak dalam e review, mahkamah telah memberi keputusan kes.

[3] Mahkamah telah membenarkan sebahagian tuntutan Plaintif dan pada masa yang sama, Mahkamah juga membenarkan sebahagian tuntutan balas

pihak Defendan.

[4] Tiada rayuan dibuat terhadap keputusan ini selepas 14 hari berlalu.

[5] Pada 11 Mei 23, pihak Defendan telah memfailkan satu permohonan melalui Lampiran 48 supaya Defendan diberi kebenaran di bawah Aturan 3 Kaedah 5(1) Kaedah Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) untuk memfailkan Notis Rayuan di luar tempoh masa yang ditetapkan dibawah Aturan 55 Kaedah 2 KKM 2012 bagi merayu terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah ini yang telah diberikan pada 19 April 2023.

[6] Kertas-kertas kausa yang berikut telahpun difailkan bagi tujuan permohonan ini:

a. Notis Pemohonan Defendan bertarikh 11 Mei 2023 dibawah Kandungan 48 ("Notis Permohonan");

b. Afidavit Sokongan Defendan yang diikrarkan oleh Nasir Bin Abdullah pada 11 Mei 2023, dibawah Kandungan 49; ("Afidavit Sokongan Defendan") dan

c. Afidavit Jawapan Plaintif yang diikrarkan oleh Kohila A/P Yanasekaran pada 27 Jun 2023, di bawah Kandungan 53 ("Afidavit Jawapan Plaintif').

[7] Mahkamah telah memberi peluang kepada pihak-pihak untuk failkan hujahan masing-masing dan menetapkan tarikh 20 Julai 2023 sebagai tarikh keputusan.

[8] Pada 20 Julai 2023, Mahkamah telah memberi keputusan menolak permohonan Lampiran 48 ini dengan kos.

[9] Tidak puas hati dengan keputusan ini, pihak Defendan kini membuat rayuan terhadap keputusan berkenaan permohonan ini.

B. Alasan Permohonan

[10] Secara ringkas, pihak Defendan menyatakan alasan kelewatan disebabkan musim perayaan.

[11] Menurut pihak peguam Defendan, kewujudan kelewatan untuk memfaiikan Notis Rayuan terhadap keputusan pada 19 April 2023 adalah disebabkan cuti-cuti umum yang panjang iaitu:

a. cuti Hari Raya Aidil Fitri dari 21 April 2023 sehingga 24 April 2023;

b. cuti Hari Pekerja pada 1 Mei 2023; dan

c. cuti Hari Wesak pada 4 Mei 2023.

[12] Disebabkan oleh cuti-cuti umum yang panjang tersebut, Defendan mengatakan hanyalah dapat mengadakan mesyuarat lembaga pengarah tersebut apabila syarat korum mesyuarat adaiah tercapai.

[13] Oleh itu, Defendan berhujah bahawa sebarang kelewatan untuk memfaiikan notis rayuan adaiah bukan disengajakan kerana apa-apa keputusan yang melibatkan hal ehwai dan masa depan syarikat Defendan haruslah disampaikan kepada kesemua pengarah Defendan.

[14] Defendan turut menyatakan bahawa bagi mendapatkan kebenaran dan persetujuan untuk merayu, Defendan perlu mencapai sebulat suara di dalam mesyuarat lembaga pengarah sebelum memberikan arahan kepada peguamcara Defendan untuk merayu.

[15] Defendan menyatakan kelewatan sebanyak lebih kurang sembilan (9) hari ini tidak akan memprejudiskan pihak piaintif.

[16] Defendan juga berhujah bahawa sebarang pertimbangan untuk perlanjutan masa adaiah berada di bawah kuasa Mahkamah ini.

C. Bantahan Plaintif

[17] Piaintif membantah permohonan ini kerana alasan Defendan tidak berasas dan juga kerana mod/cara permohonan untuk lanjutan masa ini adalah salah (wrong mode). Permohonan ini sepatutnya dibuat di Mahkamah Tinggi dan bukan di Mahkamah Sesyen.

D. Prinsip-prinsip Berkaitan Permohonan Untuk Perlanjutan Masa Untuk Pemfailan Notis Rayuan

[18] Tindakan untuk memohon lanjutan masa bagi pemfailan Notis Rayuan adalah tertakluk pada Aturan 55, Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 di mana ia memperuntukkan seperti berikut:

> (2) Ravuan Melalui Pendenaaran Semula denaan Notis (A55K2) Semua rayuan ke Mahkamah Tinggi hendaklah dengan cara pendengaran semula dan hendakiah dibawa dengan memberikan suatu notis rayuan dalam empat belas hari dari tarikh keputusan itu dirayu.

[19] Rujukan juga dibuat kepada s 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di mana diperuntukkan seperti berikut:

> (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa -kuasa tambahan yang dinyatakan dalam Jaduai:
>
> Dengan syarat bahawa segala kuasa sedemikian hendaklah dijalankan mengikut mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah

mahkamah yang berhubungan dengannya.

[20] Perenggan 8, Jadual s 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan berikut:

> (8) Masa
>
> Kuasa bagi melanjutkan atau memendekkan masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang -undang bertulis bagi melakukan sesuatu tindakan atau mengambil suatu presiding, walaupun sesuatu permohonan baginya tidak dibuat sehingga selepas habis masa yang ditetapkan:
>
> Dengan syarat bahawa peruntukkan ini hendaklah tidak menjejaskan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan had masa.

[21] Dalam kes *Ong Guan Teck & Ors v. Hijjas Kasturi* [1981] 1 MLRH 237; [1982] 1 MLJ 105; [1982] CLJ (Rep) 616, Mahkamah Tinggi telah menggariskan prinsip berikut untuk lanjutan masa seperti berikut:

> [8] It is trite law that the court has an unfettered discretion to grant or refuse an extension of time. The first principle is that the rules of court must orima facie be obeyed and in order to justify an extension of time, there must be some material on which the court can exercise its discretion in favour of the applicant. For otherwise the party in breach of the rules would have an unfettered right to extension of time which would defeat the very purpose and object of the rules on limitation of period.
>
> [9] In considering whether to grant or refuse extension of time the length of time that has lapsed is always a material factor to be considered by the court exercising the discretion. On the facts of this case I was not able to honestly say that there was any valid ground for the delay and therefore refused the application for extension of time.

[22] Dalam kes Mahkamah Rayuan *Scomi Oiltools Sdn Bhd v. Petrozchem Oilfield Services Sdn Bhd* [2020] MLRAU 268, Yang Arif Kamardin bin Hashim JJCA telah menerangkan prinsip-prinsip yang terpakai dalam permohonan lanjutan masa untuk pemfailan Notis Rayuan di perenggan-perenggan di bawah:

> "[23] The basic principles in allowing extension of time had been decided in numerous cases. But an extension of time should not be granted as a matter of course. There must be special circumstances shown to the Court to explain all the relevant factors. Those factors include the length of the delay, the reasons for the delay, whether there is an arguable case on the appeal, and the degree of prejudice to the opposing party if time is extended. All four factors need not be

satisfied in favour of the Defendant for such a discretion to be exercised. However, in the exercise of our discretion, we have kept at the forefront of our minds the salutary words of Lord Guest in the Privy Council case of *Ratnam v. Cumarasamy* [1964] 1 MLRA 599; [1965] 1 MLJ 228:

> "The Rules of Court must **prima facie** be obeyed, and in order to justify a court in extending the time during which some step in procedure requires to be taken there must be some material upon which the court can exercise its discretion. If the taw were otherwise, a party in breach would have an unqualified right to an extension of time which would defeat the purpose of the rules which is to provide a time table for the conduct of litigation."

[24] The Defendant relied on *Pearson v. Chen Chien Wen Edwin* [1991] 1 MLRA 449 and *Scott & English (M) Sdn Bhd v. Leikie Refrigeration & Stainless Steel Industries Sdn Bhd & Ors* [1994] 1 MLRH 497; [1994] 2 MLJ 424; [1994] 3 CLJ 114; [1994] 2 AMR 1568 and urged this court to consider the chances of the appeal which favours the Defendant, even if the delay and the reason for the same are inadequate. In Scott & English, the delay was nearly VA years. Though the delay was considerable, it had nevertheless been reasonably explained, and an extension of time was allowed on the ground that there are chances of the appeal succeeding.

[25] In Pearson, the Court of Appeal in Singapore adopted the same principle and enunciated that the extension of time is a question of discretion. In particular, the chances of the appeal succeeding should be considered, as it would be a waste of time for ail concerned if time is extended when the appeal is utterly hopeless or doomed to fail.

[26] The Plaintiff, on the other hand relied on this Court decision in *Pertiwi Prestij Sdn Bhd v. Damai Bistari Sdn Bhd* [2019] 5 MLRA 228. The delay in this matter was only 2 days but the rejection was premised on the grounds that the reasons relied on by the applicant was held to be an afterthought and the Court was of the view that there is an unlikely chance that the appeal would succeed."

[23] Dalam kes *Abdul Rahim Ponniah Abdullah v. Kulim Intensive Driving Centre Sdn Bhd* [2000] 5 MLRH 536; [2000] 6 MLJ 584; [2000] 4 AMR 4684, Mahkamah Tinggi Alor Setar telah memutuskan seperti berikut:

> "In dealing with an application for extension of time to appeal in the case of *Scott & English (M) Sdn Bhd v. Leikie Refrigeration & Stainless Steel Industries Sdn Bhd & Ors* [1994] 1 MLRH 497; [1994] 2 MLJ 424; [1994] 3 CLJ 114; [1994] 2 AMR 1568, Chong Siew Fai J (as he then was,) observed as follows (at p 424): The grant of extension of time to appeal is a matter of discretion for the court. The following are factors normally to be considered:

(1) The length of the delay;

(2) The reasons for the delay;

(3) The chances of the appeal succeeding if time for appealing is extended; and

(4) The degree of prejudice to the potential respondent if the application is granted.

These factors are merely a framework or guide for the purpose of exercising the discretion and are not intended to be rigid mandatory requirements. It is not necessary that all the four factors must be in favour of an applicant in order that the discretion may be exercised to the applicant's benefit (see also *Development & Commercial Bank Bhd v. Tan Ong Hwa* [2007] 2 MLRA 291; [1992] 2 MLJ 764; [2007] 6 CLJ 260 and *Batang Kali Estates Sdn Bhd v. Romani bte Abdul Aziz & Anor* [1993] 4 MLRH 336; [1993] 2 MLJ 267; [1994] 2 CLJ 513; [1995] 3 AMR 2774).

Reverting to the application before this court and adopting the above observation I will now have to decide the following factors:

(1) Is the delay caused by the defendant company unjustified or unreasonable?

(2) What are the reasons for the delay?

(3) Does the defendant company have a good defence?

(4) Will the plaintiff be prejudiced in any way should the application be granted?"

[24] Berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah dinyatakan di dalam kes-kes di atas, dapat disimpulkan bahawa antara faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah bagi membenarkan permohonan lanjutan masa untuk memfailkan Notis Rayuan adalah seperti berikut:

i. Tempoh kelewatan (length of delay);

ii. Sebab kelewatan (reasons of delay);

iii. Samada terdapatnya kes yang boleh dipertikaikan apabila dirayu (whether there is an arguable case on the appeal); dan

iv. Tahap prejudis terhadap Responden sekiranya permohonan dibenarkan (degree of prejudice to the opposing party if time is extended).

E. Analisa Dan Dapatan Mahkamah

I. Tempoh Kelewatan (Length Of Delay)

[25] Mahkamah tidak nafikan bahawa tempoh keiewatan sebanyak 9 hari ini bukan satu tempoh yang panjang. Walau bagaimanapun, tempoh yang ditetapkan untuk rayuan difailkan adalah 14 hari dan ini merupakan satu penetapan tempoh yang telah dimaktubkan dalam undang-undang, maka melainkan terdapat alasan yang munasabah, tempoh ini harus dipatuhi.

[26] Mahkamah mendapati tiada kronologi peristiwa disenaraikan apakah usaha dan tindakan yang telah diambil dalam sepanjang tempoh ini dan tiada alasan lanjut diberi kenapa terdapat perlenggahan sebanyak 9 hari hari lagi selepas tempoh yang ditetapkan dalam undang-undang tersebut, Harus diingati dari tarikh 19 April 23 sehingga tarikh notis permohonan untuk lanjutan masa difailkan, ia menunjukkan pihak Defendan telah mengambil masa 23 hari untuk mengambil tindakan.

[27] Pihak Defendan seolah-olah memandang remeh terhadap ketetapan tempoh masa ini dan menganggap jika keiewatan masa bukan terlampau lama, mahkamah harus memberi lanjutan.

[28] Mahkamah ini berpandukan kes *Ratnam v. Cumarasamy* [1964] 1 MLRA 599; [1965] 1 MLJ 228 berpendapat sekiranya pandangan sebegini dibenarkan, ia akan memberi kesan kepada pengurusan prosiding kes dalam sesuatu sistem kehakiman. Dalam kes Ratnam, Lord Guest dalam memberi penghakiman Privy Council, memutuskan di ms 229 bahawa:

> 'The rules of court must *prima facie* be obeyed, and in order to justify a court in extending the time during which some step in procedure requires to be taken, there must be some material upon which the court can exercise its discretion. If the law were otherwise, a party in breach would have an unqualified right to an extension of time which would defeat the purpose of the rules which is to provide a timetable for the conduct of litigation.'

II. Sebab Kelewatan (Reasons Of Delay)

[29] Mahkamah mendapati alasan bahawa Defendan perlu mendapatkan persetujuan semua pihak dalam syarikat bagi memutuskan sama ada rayuan perlu difailkan adalah tidak munasabah.

[30] Perkara-perkara yang berhubung pengendalian atau pengurusan dalaman sesuatu syarikat tidak harus diketengahkan sebagai alasan untuk mengetepikan kehendak undang-undang. Mahkamah merujuk kes *Reaplite Industry Sdn Bhd v. NZ Bina Sdn Bhd* [2019] MLRHU 1534 di mana terdapat kelewatan 8 hari dalam pemfailan notis rayuan atas alasan seperti tertera dalam perenggan di bawah:

> "[16] The reason for this delay was due to the fact that the directing minds of the Applicant had differing views as to the further dispatch of this matter. As the relevant personalities were in two minds, so to say, no decision could be made in a timely fashion. It was only after about a month that the decision was made to push ahead with an appeal; whereat their Solicitors were given instructions to proceed with the same. Hence and in consequence, the cause of the late filing of the said Notice of Appeal."

[31] Mahkamah Tinggi dalam kes Reaplite Industry Sdn Bhd telah menolak rayuan ini dan membuat analisa berikut:

> "[21] The reason provided by the Applicant for the delay is untenable in law, in that disputes of an 'administrative nature' wherein consensus between the directing minds of the Applicant on the further conduct of this case could not be reached, is no excuse nor can it be used as reasonable justification, for the non-compliance of a clear and unambiguous provision of the procedural reguirements of the law.
>
> [22] Learned Counsel referred this Court to the case of *Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Keretapi Bhd (now known as Kopersi Keretapi Bhd) v. Kumar a/l Gurusamy* [2011] 1 MLRA 59; [2011] 2 MLJ 433; [2011] 3 CLJ 241; where the Federal Court held at:
>
> > "[4] Generally, a right of appeal is conferred by statute. It is a creature of statute. The case of *Auto Dunia Sdn Bhd v. Wong Sai Fatt & Ors* [1995] 1 MLRA 467; [1995] 2 MLJ 549; [1995] 3 CLJ 485; [1995] 2 AMR 1943 (FC) is the authority for this proposition. In that case, Edgar Joseph Jr FCJ stated that:
> >
> > > "It is [an] elementary proposition that this court is a creature of statute and that equally a right of appeal is also a creature of statute, so unless an aggrieved party can bring himself within the terms of a statutory provision enabling him to appeal, no appeal lies."

[32] Lagipun, musim perayaan tidak seharusnya menjadi halangan untuk pihak-pihak bertemu atas talian sama ada secara zoom ataupun menggunakan aplikasi wassap dan pelbagai cara lagi. Tiada alasan kukuh untuk pihak-pihak tidak dapat memberi satu kata putus sepanjang tempoh masa ini melainkan pihak-pihak tidak memandang serius terhadap kehendak undang-undang ini, khasnya dalam keadaan kes ini di mana had masa untuk pihak-pihak menyediakan hujahan dan tarikh keputusan telahpun dimaklumkan dan dipersetujui oleh pihak-pihak melalui e-review sejak berbuian lagi. Defendan tentu tahu lebih awal bahawa keputusan bagi kes ini akan diberikan pada 19 April 2023 dan tiada bantahan diberi sewaktu e-review untuk menyatakan 19 April 2023 tidak sesuai kerana merupakan tarikh menjelang musim perayaan.

[33] Maka Defendan perlu lebih bersedia sekiranya ingin membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah. Perkara ini merupakan tanggungjawab

seorang peguam dan tentu ia adalah sebahagian daripada tugas Defendan untuk memastikan rayuan dibuat dalam 14 hari.

[34] Setiap ketetapan undang-undang ditetapkan dengan mengambilkira kemurasabahan dan sekiranya undang-undang telahpun menetapkan 14 hari sebagai tempoh untuk memfailkan notis rayuan, ia bermakna 14 hari adalah satu tempoh yang munasabah bagi pihak-pihak membuat keputusan dan mengambil tindakan untuk memfailkan rayuan. Sekiranya musim perayaan boleh diterima sebagai satu alasan yang munasabah bagi menjustifikasikan kelewatan, ia akan membuka floodgate dalam kes-kes sebegini memandangkan Malaysia merupakan antara Negara yang mempunyai paling banyak cuti awam perayaan pelbagai bangsa.

[35] Seterusnya, Mahkamah turut setuju dengan hujahan pihak peguam terpelajar Plaintif bahawa isu bahawa Deraf Penghakiman hanya diserahkan pada 8 Mei 2023 bukanlah satu isu yang menyebabkan kelewatan pemfailan Notis Rayuan oleh Defendan. Ini adalah kerana peguamcara Defendan hadir semasa keputusan diberikan oleh saya dalam sesi e-review. Maka keputusan telah jelas diberi dengan kehadiran peguamcara Defendan dan peguamcara Defendan tidak menafikan pengetahuannya tentang keputusan bicara guaman ini. Maka pengetahuan dari sesi e-review itu mencukupi untuk Defendan mefailkan Notis Rayuan.

III. Samada Terdapatnya Kes Yang Boleh Dipertikaikan Apabila Dirayu (Whether There Is An Arguable Case On The Appeal)

[36] Mahkamah telah meneliti semua isu yang dibangkitkan dalam afidavit pemohon yang cuba menunjukkan terdapat satu kes yang boleh dipertikaikan apabila dirayu.

[37] Mahkamah mendapati kesemua isu yang dibangkitkan dalam Afidavit Sokongan Defendan sudah pun dibicarakan dan Mahkamah ini telahpun membuat suatu keputusan berpandukan keterangan yang dikemukakan serta mengikut kedudukan undang-undang yang mantap dalam menentukan setiap isu yang dipertikaikan. Mahkamah turut memberi analisa yang berkaitan dalam membuat dapatan kes.

[38] Mahkamah juga telah memberi alasan ringkas semasa keputusan kes. Antara faktor-faktor yang dipertimbangkan Mahkamah dalam mencapai keputusan adalah sepertimana yang tertera dalam keputusan ringkas berikut:

> "[1] Mahkamah telah meneliti hujahan dan ikatan otoriti pihak-pihak serta Nota keterangan. Mahkamah mendapati Plaintif berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa pihak plaintif telahpun menunaikan obligasi kontrak bagi 4 tapak projek di lokasi bernama Kampung Titi ijok, Kampung Repoh Batu Kurau, Kampung Beoh dan Kampung Laka berdasarkan aiasan berikut.
>
> (i) Terdapat certificate of completion yang ditandatangani oleh pihak Defendan sendiri.

(ii) SD1 sendiri mengakui antara 6 projek, 4 daripadanya memang telah siap. Mahkamah mendapati tiada isu tentang 4 site lagi di mana memang kedua-dua saksi pihak Plaintif dan Defendan mengesahkan kerja telahpun siap (mukasurat 243 nota keterangan, SD1 sahkan telah siap 4 site ini), maka tuntutan baki bayaran harus dibenarkan untuk 4 site ini. SD1 sendiri juga telah setuju Plaintif berhak untuk menuntut tunggakan untuk kerja-kerja yang telah siap (m/s 245 nota keterangan).

(iii) Kegagalan Defendan untuk memanggil saksi dari Naza ataupun MCMC untuk menyokong dakwaan mereka bahawa kerja Plaintif telahpun ditolak/terdapat sebarang aduan tentang kerja yang telah disiapkan ini.

(iv) Bagi isu frod berhubung dua Variation Order (VO) tersebut, kegagalan Defendan untuk memanggil saksi dari Naza untuk membuktikan bahawa tiada VO dikeluarkan. SD2 tidak dapat menyangkal keterangan bahawa pembayaran telah dibuat mengikut proses kerja yang betul. Beban pembuktian bahawa terdapat isu frod adalah atas Defendan iaitu pihak yang membuat dakwaan dan Defendan gagal membuktikan perkara ini.

(v) Kegagalan pihak Defendan untuk mempertikaikan invois serta surat tuntutan Plaintiff sebeium tindakan ini diambil.

Analisa Mahkamah Berhubung Site Gunung Semanggol

[2] Bagi Site Gunung Semanggol, Mahkamah berpuas hati 70% seperti yang dituntut oleh pihak Plaintif telahpun siap.

[3] Bagi site ini SD1 telah mengesahkan di ms 254 nota keterangan bahawa foundation dan tower telahpun siap tetapi infrawork yang belum siap. Di ms 242 nota keterangan, pihak Defendan menyatakan bahawa 70% siap itu bermakna perlu ada tower dan infrawork. Menurutnya infrawork tidak siap seperti lay concrete, buat pagar dan longkang. (m/s 271 nota keterangan)

[4] Saksi mengakui 30% telahpun siap yang mana telahpun dibayar 40% belum siap dan tidak harus dibayar kerana kerja infrawork belum siap. Mahkamah bagaimanapun mendapati kerja di site ini telahpun siap 70% dan bayaran 40% harus dibuat.

[5] Dalam kes ini, bagi site Gunung Semanggol, Mahkamah mendapati "tower" telahpun siap, perkara ini dapat dilihat dalam gambar-gambar yang dikemukakan di mana keadaan sebenar status kerja mengikut gambar tidak dipertikaikan ataupun dicabar oleh pihak Defendan. Defendan tidak menunjukkan sebarang bukti bahawa

40%> itu perlu merangkumi infrawork, mengikut definisi terma bayaran, upon completion of tower erection work, 70% harus dibayar. Maka Plaintif layak menuntut 40% lagi iaitu RM 115,382.57 daripada Defendan.

[6] Memandangkan Defendan tidak membayar tunggakan wang walaupun kerja telahpun siap dilaksanakan oleh Plaintif, terdapat pecah kontrak terhadap Pihak Defendan dan Defendan dikehendaki membayar kesemua tunggakan bayaran bagi 5 site tersebut di atas seperti dalam pernyataan tuntutan kepada Plaintif.

[7] Tuntutan Plaintif dibenarkan sebahagian sahaja bagi 5 site yang tersebut di atas. Mahkamah membenarkan pembayaran faedah 1.5% setiap bulan untuk tunggakan bayaran, faedah tahunan ke atas jumiah penghakiman sebanyak 5% dari tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran. Mahkamah membenarkan satu gantirugi am sebanyak RM10,000 sahaja sebagai gantirugi nominal memandangkan pihak Plaintif tidak dapat membuktikan dengan jelas apakah dan bagaimana kesukaran dan kesusahan yang dialami oleh Plaintif kerana Defendan gaga! membuat bayaran. Kos sebanyak RM10,000 untuk dibayar oleh Defendan kepada Plaintif.

Analisa Mahkamah Behubung Site Bendang Selinsina

[8] Mahkamah mendapati pihak Plaintif gagal menunaikan obligasi kontrak bagi site Benda Selingsing berdasarkan alasan-alasan berikut:

(i) Bagi projek Bendang Selinsing, SD 1 mendakwa kerja foundationnya belum siap lagi.

(ii) SD1 menyatakan foundation tidak siap dan perlu diperbaiki. Kerja pembaikan pun belum siap dan telah diberhentikan. (m/s 273 nota keterangan)

(iii) SD1 mengesahkan CCC tidak menunjukkan keadaan kerja yang sebenar dan keadaan kerja yang sebenar adalah seperti ms 61 dalam Bundle E. Jika ikut gambar, Mahkamah mendapati rectification work dijalankan sehingga additional rebars complete. Keadaan sebenar status kerja mengikut gambar tidak dipertikaikan ataupun dicabar oleh pihak Plaintif.

(iv) Mahkamah mendapati pihak Plaintif walaupun menunjukkan satu CCC di ms 53 bundle E yang menyatakan foundation work done tetapi Pihak Defendan menunjukkan satu set lagi CCC bersama gambar di ms 92 hingga 102 yang menunjukkan keadaan sebenar di site di mana pihak Plaintif gagal untuk menafikan keadaan progress sebenar di site yang telah dibuat oleh Defendan.

(v) Mahkamah mendapati bagi kerja foundation 30% ini ia masih belum complete tetapi bayaran telahpun dibuat, maka pihak plaintif selagi tidak selesaikan kerja 30% ini adalah tidak berhak untuk menuntut bayaran 40% pada peringkat yang selanjutnya.

(vi) Jika dilihat syarat-syarat pada terma bayaran dalam Purchase Order, ia adalah seperti berikut:

> 30% upon completion of foundation work
>
> 40% upon completion of tower erection work
>
> 30% upon all work done.

Bagi kerja di Bendang Selingsing, pihak Plaintif gagal membuktikan projek telah siap 70%. Dakwaan Plaintif bahawa progress slow sebab isu payment adalah hujahan yang tidak munasabah. Mahkamah mendapati Keterangan SP1 dalam Mahkamah adalah bahawa kerja di dua site ini progress slow kerana isu pembayaran. Dalam emelnya yang terdahulu beliau telah memberitahu pihak Defendan status projek dan meminta bayaran dibuat supaya kerja selanjutnya dapat diatur. Jika dilihat emelnya bertulis seperti berikut:

> "Bendang Selingsing - foundation done. However due to heavy rain, the concrete was washed away and exposing the rebar. For this ail the remedy works in progress as wanted by KC Consult and MCMC. Join visit done together with them. Here again payment due from Nissen is 101,501.76.
>
> All together payment due is RM336,884.33. please make necessary arrangement for payment. Please let us know your tower delivery as well for us to further plan to complete the sites."

Emel ini jetas menunjukkan pihak Plaintif telah menuntut 40% untuk projek bendang Selinsing walaupun kerja foundation masih di Fasa pertama peringkat rectification. Dalam emel ini pihak Plaintif mengaku terdapat aduan daripada pihak KC consult dan MCMC dalam perkara ini. Mahkamah mendapati Plaintif tidak berhak menuntut 40% memandangkan tiada bukti menunjukkan tower erection telah dibuat, dakwaan bahawa Pihak Defendan lambat membekalkan tower di sini adalah tidak munasabah memandangkan kerja foundation 30% pun belum siap lagi, bagaimana pihak Plaintif boleh menggesa Defendan untuk membekalkan tower bagi proses kerja di fasa yang kedua.

(vii) Lagipun, alasan Plaintif bahawa faktor kelewatan adalah disebabkan pembayaran tidak dibuat dan kegagalan pihak Defendan untuk membekalkan tower tidak masuk akal kerana terma bayaran jelas menunjukkan bayaran hanya boleh dibuat mengikut fasa kerja. Pihak Plaintif tiada hak untuk menuntut bayaran peringkat kedua lebih awal sekiranya kerja peringkat pertama pun masih di peringkat pembaikan. Pihak Plaintif juga tiada hak untuk menggunakan alasan terdapat kelewatan bayaran 40% di projek Gunung Semanggol sebagai alasan untuk berhentikan kerja di site Bendang Selinsing.

(viii) Maka Mahkamah mendapati pihak Plaintif tidak dapat menjawap ataupun menyangkal kegagalan pihaknya daripada menunaikan obligasi pihak mereka bagi membolehkan projek di site Bendang Selinsing ini disiapkan. Antara terma persetujuan pihak-pihak juga tidak menunjukkan pihak Plaintif mempunyai hak untuk memberhentikan projek kerja jika lewat menerima bayaran. Dalam keadaan kes Benda Selingsing ini, tiada kelewatan bayaran tetapi bayaran 30% telahpun dibuat walaupun kerja 30% tersebut masih di peringkat pembaikan, Pihak Defendan pula telah mula menuntut bayaran 40% bagi kerja peringkat kedua yang belum dimulakan pun. Dalam erti kata lain, bagi projek di bendang selinsing ini, pihak Plaintif tidak patut menuding jari terhadap pihak Defendan apabila mereka sendiri gagal menyiapkan projek mengikut persetujuan pihak-pihak.

[9] Dengan ini Mahkamah mendapati terdapat pecah kontrak dari pihak Plaintif bagi projek ini. Mahkamah membenarkan satu gantirugi am RM10,000 untuk dibayar oleh pihak Plaintif kepada pihak Defendan.

[10] Mahkamah bagaimanapun mendapati Plaintif dapat menunjukkan sebahagian foundation work telahpun dibuat dan pembaikan sedang dibuat, cuma tidak lengkap. Mengikut saksi SD1 di ms 276-277 nota keterangan, beliau mengesahkan bahawa "description of work itu kira memang betullah kerja itu dibuat sampai situ sahaja. Cuma kerja-kerja untuk foundation dan stump concreting ini tak complete disebabkan ada rectification dekat situ. "

[11] Maka Mahkamah hanya membenarkan sebahagian tuntutan balas pihak Defendan sahaja dengan memutuskan pihak plaintif hanya layak menerima 25% daripada kerja foundation tersebut dan selebihnya harus dikembalikan kepada Defendan. Faedah pada kadar 5%, setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh bagi jumlah 5% ini.

[12] Kos sebanyak RMS,000 untuk dibayar oleh Plaintif kepada Defendan bagi tuntutan balas ini."

[39] Sewaktu keputusan diberi, pihak Peguam Defendan bertanya dalam e review bahawa:

> "Memandangkan pembayaran faedah sebanyak 1.5% setiap bulan telah dibenarkan untuk tunggakan pembayaran oleh Puan Hakim, kami memohon kepada pihak Mahkamah yang Mulia untuk membenarkan pembayaran faedah sebanyak 1.5% setiap bulan ke atas jumlah pengembalian pembayaran oleh Plaintif kepada Defendan, bermula daripada tarikh pembayaran diiakukan oleh Defendan oleh Plaintif iaitu 8 November 2018."

[40] Mahkamah ini setelah mempertimbangkan keadaan kes telah membenarkan permohonan pihak Defendan walaupun perkara ini tidak disebut dalam prayer tuntutan balasnya. Mahkamah memberi perintah berikut:

> "Mahkamah membenarkan permohonan Defendan di atas memandangkan bayaran terlebih telah diiakukan lebih awal sebelum kerja 30% siap."

[41] Berdasarkan alasan seperti di atas, Mahkamah ini telah mengenaipasti beberapa isu penting yang ditimbulkan oleh Peguambela Defendan sepertimana dalam hujahan sebelum ini dan juga ditimbulkan sekali lagi sekarang. Mahkamah ini berpendapat isu- isu yang dibangkitkan Defendan telahpun diteliti dan dianalisa dengan sepatutnya oleh Mahkamah ini.Dengan ini Mahkamah berpendapat peluang untuk rayuan berjaya adalah tipis.

[42] Berhubung dengan isu kadar faedah yang ditimbulkan sekarang, mahkamah berpendapat isu ini tidak pernah ditimbulkan semasa bicara, malah seperti yang dihujahkan oleh pihak plaintif, isu kadar faedah 1.5% juga telah diterima oleh Defendan apabila Defendan memohon kepada mahkamah kadar faedah yang sama harus dikenakan kepada wang yang harus dipulangkan oleh Plaintif kepada Defendan.

[43] Mahkamah berpendapat pihak Defendan tidak boleh "blow hot and cold" daiam isu faedah ini. Tindakan ini sendiri menunjukkan Defendan menerima kadar faedah yang dikenakan oleh Plaintif bagi bayaran yang tidak dibayar daiam masa sebulan.

[44] Peguam terpelajar pihak plaintif juga membawa perhatian mahkamah kepada keterangan saksi Defendan sendiri yang memberitahu mahkamah bahawa semua bayaran yang dibenarkan oleh Mahkamah untuk Plaintif adalah bayaran yang sepatutnya diterima oleh Plaintif kerana kerja-kerja berkaitannya telah disiapkan. Dengan itu jelas lah isu ini hanya satu afterthought yang kini ditimbulkan untuk menunjukkan terdapat isu baru kononnya yang perlu dirayu.

IV. Kesan Prejudis

[45] Plaintif telahpun berhujah bahawa perniagaan mereka akan dipengaruhi selagi masih tergendala daiam tindakan undang-undang yang tiada kesudahan. Daiam perkara ini, permohonan perlanjutan masa ini sekiranya dibenarkan sudah tentu akan member! kesan prejudis terhadap pihak Plaintif memandangkan selepas tamat tempoh rayuan yang dihadkan undang-undang, Plaintif sepatutnya boleh "reap the fruits of that litigation" tetapi kini proses perundangan telahpun dimohon untuk dflanjutkan lagi.

[46] Tidak dapat dinafikan juga terdapat segelintir litigant yang berniat memperlenggahkan lagi prosiding demi memindahkan aset dan kewangan mereka dari syarikat yang berkaitan untuk mengagalkan penghakiman yang diperolehi oleh pihak yang berjaya membuktikan kes dalam tempoh masa rayuan ini.

[47] Adalah jelas di sini segala bentuk rayuan di luar tempoh masa ini tentu akan meningkatkan kos guaman dan memberi kesan prejudis kepada Plaintif.

F. Kesimpulan

[48] Berdasarkan kepada alas an-alasan di atas, Mahkamah ini tidak membenarkan Perlanjutan Masa yang dipohon oleh Defendan.

[49] Permohonon Defendan (lampiran 48) ditolak dengan kos RM 2500.